

BAB 5

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Rumusan

Bahagian Pengkatalogan yang merupakan tunggak kepada sesebuah perpustakaan untuk membangun koleksi menunjukkan bahawa peranan pustakawan pengkatalogan dan kakitangan di bahagian berkenaan adalah saling berkait. Pustakawan pengkatalogan di seluruh dunia sejak sekian lamanya menjalankan tugas hanya sebagai pengkatalog. Kewujudan komputer menjadikan peranan mereka dalam bidang berkenaan dapat diperkembangkan lagi untuk melakukan peranan yang lebih mencabar di perpustakaan. Kajian ini juga telah merumuskan bahawa sudah terdapat pentadbir perpustakaan-perpustakaan di Malaysia yang tidak lagi berpegang kepada peranan tradisional yang dimainkan oleh pustakawan pengkatalogan seperti masa lalu.

Walaupun masih terdapat ramai pustakawan pengkatalogan yang menjalankan peranan tradisional mereka, terdapat juga banyak tugas-tugas baru yang perlu dilaksanakan oleh mereka di dalam menghadapi era teknologi maklumat ini. Misalnya tugas sebagai pereka laman web dan menggunakan HTML di dalam tugas adalah sesuatu yang baru bagi golongan tersebut di Malaysia. Memandangkan terdapat banyak bahan-bahan perpustakaan yang terkandung di dalam laman web, golongan ini tidak dapat lari dari menggunakan komputer. Sebilangan besar masih memainkan peranan sebagai pengkatalog tetapi bahan-bahan yang dikatalog tidak lagi terdiri dari bahan-bahan bercetak malah bahan-bahan tersebut adalah dari pelbagai jenis seperti disket, cakera padat dan cakera laser.

Golongan ini juga didapati berfikiran positif di dalam memperturunkan tanggungjawab tradisional mereka sebagai pengkatalog kepada golongan separa profesional dan sokongan. Walaupun tindakan ini tidak seratus peratus tetapi penurunan tugas ini dapat membantu mereka dalam melaksanakan tugas-tugas lain yang dianggap lebih penting.

Walaubagaimanapun senario di Barat masih belum dapat mempengaruhi pemikiran para pustakawan di Malaysia. Pada anggapan mereka, tugas-tugas pengkatalogan masih perlu dilakukan bagi mengekalkan kualiti pengkatalogan di tahap yang tinggi. Pemantauan dan penyeliaan dari pustakawan pengkatalogan masih dan amat diperlukan biarpun perpustakaan kini menggunakan sistem komputer sepenuhnya..

Di samping itu juga, *outsource* dan kontrak masih tidak menarik perhatian pustakawan profesional di Malaysia. Biarpun kualiti pengkatalogan secara *outsource* memuaskan tetapi kepercayaan mereka masih berpihak kepada kualiti kerja yang dilakukan secara dalaman. Dari kajian ini juga didapati *outsource* dijalankan oleh 2 responden dari perpustakaan akademik sahaja. Berkemungkinan perpustakaan-perpustakaan ini akan menjadi perintis kepada proses pengkatalogan secara *outsource* pada masa hadapan.

Secara kesimpulan, bahagian pengkatalogan di pelbagai perpustakaan di Malaysia masih memerlukan pustakawan pengkatalogan untuk menjalankan tugas yang sedia ada. Di samping itu, kakitangan separa profesional menjadi penyokong utama di dalam membantu menjalankan tugas berkaitan dengan penyeliaan serta pemantauan dari pustakawan pengkatalogan.

5.2 Cadangan

Kajian yang dilakukan ini adalah terhad dari segi masa, sumber kewangan dan tenaga penyelidik. Justeru itu, terdapat beberapa aspek di dalam penyelidikan ini yang perlu diteruskan bagi memperolehi fakta yang kukuh di dalam pembangunan bahagian pengkatalogan. Di dalam kajian ini hanya terdapat perpustakaan-perpustakaan yang terpilih sahaja bagi mewakili keseluruhan perpustakaan yang terdapat di Malaysia.

Cadangan untuk kajian di masa hadapan ialah :

1. Kajian yang lebih terperinci bagi setiap perpustakaan yang ada di Malaysia untuk memastikan jumlah pustakawan pengkatalogan yang masih wujud dengan status jawatan yang sama. Ini dapat membantu mengenalpasti keperluan peranan yang lebih profesional bagi pustakawan pengkatalogan di dalam membantu membangunkan bahagian pengkatalogan.
2. Kajian yang lebih lanjut dengan pembahagian yang lebih teliti bagi penentuan jawatan bagi golongan separa profesional/sokongan. Ini untuk memastikan golongan tersebut terletak di dalam kategori yang sepatutnya. Dengan itu maklumat yang diperolehi kelak akan lebih tepat.
3. Kajian yang lebih menjurus kepada penyediaan garispanduan bagi kakitangan separa profesional/sokongan untuk melaksanakan tugas-tugas mengkatalog.

5.3 Kesimpulan

Kajian ini menyimpulkan bahawa perubahan peranan pustakawan pengkatalogan yang berlaku di Barat tidak mendapat perhatian serius dari pihak pentadbiran perpustakaan di Malaysia. Cuma perpustakaan akademik sahaja yang banyak memulakan perubahan peranan golongan ini kepada peranan yang lebih mencabar dan tidak terikat kepada peranan tradisional mereka.

Golongan separa profesional pula telah diterima walaupun tidak sepenuhnya dalam melakukan tugas-tugas di perpustakaan terutamanya pengkatalogan. Peranan golongan tersebut yang telah maju setapak ke hadapan menunjukkan bahawa mereka telah diberi kepercayaan untuk melakukan kerja-kerja pengkatalogan biarpun bukan pengkatalogan asal. Ini mungkin merupakan peringkat permulaan perubahan tersebut.

Pustakawan pengkatalogan yang telah mengembangkan peranannya setara dengan perubahan era masa kini masih diperlukan di dalam menjalankan penyeliaan dan pemantauan terhadap hasil kerja kakitangan separa profesional. Ini menunjukkan bahawa golongan ini masih diperlukan untuk kerja-kerja tersebut.

Walaubagaimanapun sehingga sekarang, aliran *outsource* masih menjadi sesuatu yang agak asing bagi perpustakaan di Malaysia. Ini mungkin kerana kebanyakan perpustakaan awam dan akademik terutamanya, mempunyai bahagian pengkatalogan yang besar. Oleh itu adalah tidak menjadi halangan kepada perpustakaan tersebut untuk masih kekal melakukan tugas-tugas pengkatalogan secara dalaman kerana mereka mempunyai bilangan pustakwan pengkatalogan yang mencukupi untuk menjalankan kerja-kerja pengkatalogan.

Biaarpun begitu pustakawan pengkatalogan harus sentiasa bersedia dari segi pengetahuan dan kemahiran untuk menghadapi perubahan peranan yang semakin menjurus ke arah tersebut.